



KENYATAAN MEDIA

Media Release

Untuk siaran segera

LHDNM PULANGKAN SEMULA BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN TIDAK LENGKAP

Cyberjaya, 29 Mac - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa mulai tahun ini semua Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang tidak lengkap akan dipulangkan semula kepada pembayar cukai.

Langkah ini diambil memandangkan kelonggaran yang diberikan kepada pembayar cukai yang menghantar BNCP tidak lengkap sebelum ini diambil mudah oleh sebilangan daripada mereka. Buktinya masih banyak BNCP yang tidak lengkap diterima oleh LHDNM walaupun sudah 11 tahun Sistem Taksir Sendiri (STS) diperkenalkan kepada pembayar cukai kategori syarikat dan 7 tahun kepada pembayar cukai kategori individu. Untuk rekod STS Syarikat dilaksanakan mulai Tahun Taksiran 2001 manakala STS Individu mulai Tahun Taksiran 2004. Pentadbiran cukai di bawah STS ini berpandukan konsep '**Fail dan Bayar**' di mana pembayar cukai perlu mengisi BNCP dan menaksir cukai mereka sendiri.

Bagi tahun 2011, LHDNM telah menerima sebanyak 268,709 BNCP tidak lengkap. Angka ini walaupun susut berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak 317,991, namun ia masih dianggap tinggi dan perlu diatasi segera. Pembayar cukai hendaklah mengembalikan semula BNCP yang **TELAH LENGKAP** ke Jabatan Pemprosesan

Maklumat, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di Pandan Indah, Kuala Lumpur sebelum 30 April 2012 (Bagi Borang BE) dan 30 Jun 2012 (bagi Borang B) bagi mengelakkan penalti lewat hantar BCNP dikenakan ke atas mereka.

Justeru untuk mengelakkan masalah BNCP tidak lengkap ini, LHDNM telah menyediakan kemudahan e-Filing serta m-Filing (penghantaran BNCP melalui peranti mudah alih) dan pembayar cukai disarankan untuk menggunakannya kerana ia mampu memastikan hanya BNCP yang lengkap sahaja berjaya dihantar. Tambahan pula ia sudah terbukti Mudah, Tepat dan Selamat.

Dalam perkembangan berkaitan, LHDNM juga turut ingin memberikan peringatan kepada semua majikan bahawa tarikh akhir pengemukaan Borang E Saraan bagi Tahun 2011 iaitu Penyata Oleh Majikan adalah pada **31 Mac 2012**. Kegagalan mengemukakan borang ini pada atau sebelum 31 Mac 2012 adalah menjadi satu kesalahan di bawah perenggan 120(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan boleh dikenakan denda minimum RM200.00 dan maksimum RM2000.00 atau enam (6) bulan penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Sebarang maklumat lanjut sila layari www.hasil.gov.my atau hubungi 1-300-88-3010.

SEKIAN, TERIMA KASIH

#

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	29 Mac 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8836
Nombor Faks	:	03-8313 7836
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010
		<u>www.hasil.gov.my</u>